



02 MAY, 2026

Lelaki cuba curi di pencawang TNB kena renjatan

Harian Metro, Malaysia



Lelaki cuba curi di pencawang TNB kena renjatan

Sungai Petani: Seorang lelaki yang disyaki cuba mencuri di sebuah pencawang milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) cedera dipercayai terkena renjatan arus perdana yang kuat di Taman Ria Jaya dekat sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda ACP Hanyan Ramlan berkata, pada 27 April lalu, anggota di pusat kawalan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda menerima panggilan daripada juruteknik TNB pada 2.08 petang memaklumkan berlaku kes kecurian

di pencawang itu.

“Anggota unit rondaan bermotosikal ditugas ke lokasi...suspek ditemu terbaring dalam pencawang akibat terkena renjatan arus elektrik yang kuat...suspek yang berusia 30-an itu kemudian ditahan dan dirawat kerana mengalami kecederaan parah... isi tangannya terbakar,” menurutnya.

Beliau berkata, bagaimanapun, tiada kamera pengawasan di kawasan terabit selain tiada saksi yang melihat kejadian tersebut.